



GUIDELINES ON  
**OCCUPATIONAL  
SAFETY & HEALTH**  
IN CONSTRUCTION INDUSTRY (MANAGEMENT)  
2017

**GUIDANCE NOTES (STAKE HOLDERS)**



**GUIDANCE NOTES FOR  
ENFORCEMENT BODIES,  
LOCAL AUTHORITY,  
PROFESSIONAL BODIES,  
EDUCATIONAL INSTITUTIONS  
AND WORKERS**

Published by:

Department of Occupational Safety and Health  
(Ministry of Human Resources)  
Level 1,3,4, 5, Block D4, Complex D,  
Federal Government Administrative Centre, 62530 W.P. Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 | Fax: 03-8889 2443  
Email: jkkp@mohr.gov.my  
Website: www.dosh.gov.my

JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



GARIS PANDUAN  
KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN  
DALAM INDUSTRI PEMBINAAN (PENGURUSAN)  
**2017**

NOTA PANDUAN UNTUK  
**BADAN PENGUATKUASA, PIHAK BERKUASA  
TEMPATAN, BADAN PROFESIONAL, INSTITUSI  
PENDIDIKAN DAN PEKERJA**

## **PENAFIAN**

Penerbitan ini bukan untuk dijual dan disediakan semata-mata bagi tujuan rujukan. Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia adalah pemilik semua hak cipta yang wujud dalam penerbitan ini. Semua penyalinan atau pengeluaran semula buku ini atau sebahagian daripadanya dalam apa-apa cara tanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

DOSH Malaysia tidak memberi jaminan berkenaan dengan ketepatan dan kesempurnaan kandungan buku ini dan tidak boleh dipertanggungjawabkan kerana memberikan maklumat sedemikian.

## ISI KANDUNGAN

PENAFIAN .....	i
ISI KANDUNGAN.....	ii
DEFINISI.....	5
SINGKATAN .....	7
1.0 PENGENALAN.....	8
1.1 Tujuan Panduan.....	8
1.2 Keperluan OSHCIM 2017 .....	9
1.3 Apakah maksud Garis Panduan OSHCIM untuk anda? .....	9
1.3.1 Apakah tapak pembinaan yang perlu mematuhi OSHCIM? .....	9
1.3.2 Apakah yang patut dijangkakan oleh pemegang kepentingan semasa berada di tapak pembinaan?.....	10
2.0 PRINSIP PENGURUSAN RISIKO .....	11
2.1 Prinsip Umum Pencegahan .....	11
2.2 Pengurusan Risiko Reka Bentuk .....	12
2.3 Pertimbangan Risiko Tertentu.....	13
2.4 Pertimbangan reka bentuk yang akan memaklumkan Pengurusan Risiko Reka Bentuk .....	15
3.0 PANDUAN INDUSTRI UNTUK BADAN PENGUATKUASA.....	17
3.1 Perundingan dan Penglibatan.....	17
3.2 Jawatankuasa Selamat dengan Reka Bentuk (SbD) .....	18
3.3 Menyemak Kajian Reka Bentuk dalam Fasa Pra-Pembinaan.....	19
3.3.1 Prosedur Kajian Reka Bentuk (DRP) .....	20
3.4 Kerjasama dan Penyelarasaran .....	23
3.5 Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman.....	24

3.5.1	Keupayaan Penguatkuasaan .....	24
3.5.2	Kompetensi OSHCIM .....	25
3.6	Promosi dan Amalan Terbaik.....	26
4.0	PANDUAN INDUSTRI UNTUK PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT).....	28
4.1	Perundingan dan Penglibatan.....	28
4.2	Jawatankuasa Kajian Reka Bentuk OSHCIM .....	29
4.2.1	Kajian Reka Bentuk.....	30
4.2.2	Permohonan Perintah Pembangunan .....	32
4.3	Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman.....	33
4.4	Amalan Pengurusan yang Baik.....	34
5.0	PANDUAN INDUSTRI UNTUK BADAN PROFESIONAL.....	36
5.1	Perundingan dan Penglibatan.....	36
5.2	Jawatankuasa Selamat dengan Reka Bentuk (SbD) .....	37
5.2.1	Tujuan Jawatankuasa SbD.....	37
5.2.2	Latihan untuk Jawatankuasa SbD .....	38
5.3	Kerjasama dan Penyelaras.....	38
5.4	Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman.....	39
5.5	Amalan Pengurusan yang Baik.....	40
6.0	PANDUAN INDUSTRI UNTUK INSTITUSI PENDIDIKAN .....	41
6.1	Peranan & Tanggungjawab Institusi Pendidikan.....	42
6.2	Kurikulum Selamat dengan Reka Bentuk .....	44
6.3	Agenda penyelidikan mengenai SBD.....	47
6.4	Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman.....	48
7.0	PANDUAN INDUSTRI UNTUK PEKERJA PEMBINAAN .....	51
7.1	Berunding dan melibatkan pekerja dengan kesihatan dan keselamatan di tapak pembinaan .....	51

7.2	Wakil kesihatan dan keselamatan pekerja .....	52
7.3	Latihan untuk wakil kesihatan dan keselamatan .....	52
7.4	Apakah maklumat yang harus diberikan dan diterima pekerja? .....	52
7.5	Melaporkan kejadian dan kemalangan yang hamper berlaku .....	54
7.6	Pekerja Asing .....	54
7.7	Kerjasama dan Penglibatan .....	55
7.8	Majikan atau Kontraktor Utama .....	56
7.9	Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman .....	56
7.10	Amalan terbaik pembinaan yang disarankan .....	57
LAMPIRAN 1. PERTIMBANGAN KAJIAN REKA BENTUK .....		60
LAMPIRAN 1A. DRRULE-1 KAJIAN REKA BENTUK KONSEP .....		60
LAMPIRAN 1B. DRRULE-2 KAJIAN REKA BENTUK TERPERINCI .....		63
LAMPIRAN 1C. DRRULE-3 KAJIAN PRA-PEMBINAAN .....		72
LAMPIRAN 2. FAIL KESELAMATAN DAN KESIHATAN .....		75
LAMPIRAN 3. MAKLUMAT PRA-PEMBINAAN (PCI) .....		79
LAMPIRAN 4. MODEL LATIHAN YANG DISEDIAKAN UNTUK PROFESIONAL AEC .....		79
LAMPIRAN 5. RANGKA KURSUS SELAMAT DENGAN REKA BENTUK .....		79

## DEFINISI

**Projek** – Ertinya projek yang merangkumi atau bertujuan untuk merangkumkan kerja pembinaan dan segala kerja perancangan, reka bentuk, pengurusan atau kerja-kerja lain yang berkait dengan projek sehingga ke akhir fasa pembinaan.

**Struktur** – Sebarang struktur tetap atau sementara, termasuklah mana-mana bahagian struktur dan sebarang produk, atau sistem mekanikal atau elektrik yang dipasang untuk struktur.

**Boleh diperaktikkan setakat yang munasabah** – Bererti bahawa tahap risiko dalam keadaan tertentu boleh diseimbangkan dengan masa, masalah, kos dan kesukaran fizikal yang diperlukan untuk mengambil langkah-langkah bagi mengelakkan risiko. Sesuatu tindakan dianggap boleh diperaktikkan apabila ia dapat dilaksanakan. Bagi menentukan sama ada sesuatu tindakan adalah munasabah, seseorang perlu mempertimbangkan:

- a) teruknya apa-apa kecederaan atau kemudaratan terhadap kesihatan yang mungkin terjadi;
- b) tahap risiko (atau kemungkinan) kecederaan atau kemudaratan itu terjadi;
- c) berapa banyak yang diketahui tentang bahaya dan cara-cara menghapuskan, mengurangkan atau mengawalnya; dan
- d) ada tidaknya, kesesuaian dan kos perlindungan.

**Orang didefinisikan sebagai sesiapa yang:**

- a) Menjalankan kerja-kerja pembinaan untuk struktur atau yang boleh terjejas oleh kerja-kerja pembinaan untuk struktur; atau
- b) Bekerja di bangunan atau struktur yang lengkap sebagai tempat kerja termasuk individu yang menyelenggara atau

membersihkan struktur, atau apa-apa di dalam atau di atas struktur itu.

**Fasa pra-pembinaan** – Bererti apa-apa tempoh masa di mana reka bentuk atau kerja-kerja persediaan dijalankan untuk sesuatu projek dan boleh diteruskan semasa fasa pembinaan;

**Klien Domestik** – Klien domestik bermaksud klien yang mana projek pembinaan yang dijalankan tidak berkaitan dengan perniagaan. Kerja-kerja pembinaan di rumah-rumah domestik, di mana rumah itu adalah kediaman utama klien, tidak akan terbabit dengan hal pemajuan perniagaan, tetapi jika ada rumah lain dibina di tapak kediaman utama, atau rumah keluarga diubah menjadi pangsapuri, ia mungkin akan dikaitkan dengan pemajuan perniagaan (berpotensi dikenakan cukai atas apa-apa keuntungan).

**Kesesuaian kontraktor** – Ujian kesesuaian akan merangkumi penilaian kecukupan masa yang ada dan sumber-sumber lain, pengalaman projek yang serupa, dan pengalaman dan kelayakan pekerja.

**Perbadanan Pengurusan** – Berkait dengan mana-mana bangunan yang disubbahagikan merujuk kepada mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 39, 64 atau 64A, Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318].

**Pelan fasa pembinaan** – adalah sama dengan pelan keselamatan dan kesihatan seperti yang disyorkan dalam Garis Panduan untuk 1. Spesifikasi Keselamatan dan Kesihatan (OSH); 2. Jadual Harga OSH oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

## **SINGKATAN**

- OSHCIM - Garis Panduan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017
- OSH - Occupational Safety & Health (Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan)
- DOSH - Department of Occupational Safety and Health (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja)
- CIDB - Construction Industry Development Board (Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan)

## **1.0 PENGENALAN**

Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 (OSHCIM 2017) adalah satu set rujukan utama untuk menguruskan kesihatan, keselamatan dan kebajikan projek pembinaan. OSHCIM diguna pakai untuk semua binaan dan kerja pembinaan dan termasuk binaan baru, perobohan, pembaharuan, penyambungan, penukaran, pemberian dan penyelenggaraan. Panduan industri ini menerangkan apa yang dijangkakan daripada *duty holder* pembinaan (iaitu klien, pereka dan kontraktor) serta apa yang mereka jangkakan daripada pemegang kepentingan pembinaan lain untuk membantu memastikan semua komuniti pembinaan selamat dan sihat.

Terdapat empat panduan yang disediakan: satu untuk setiap tiga *duty holder* di bawah OSHCIM dan tambahan kepada pemegang kepentingan lain iaitu Pekerja, Penguatkuasa, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), AEC dan Institusi Pendidikan.

Panduan ini dapat membantu pemegang kepentingan pembinaan untuk lebih memahami peranan mereka, dan *duty holder* lain.

### **1.1 Tujuan Panduan**

Panduan ini telah dihasilkan oleh wakil industri pembinaan dan menerangkan:

- a) Apakah maklumat yang harus diterima oleh pemegang kepentingan.
- b) Siapakah yang memegang tanggungjawab untuk memastikan bahawa personel pemegang kepentingan dan jawatankuasa selamat oleh reka bentuk atau wakil lain adalah terlibat dalam pengurusan kesihatan dan keselamatan di tapak.
- c) Tanggungjawab yang dipegang oleh setiap pemegang kepentingan.

## **1.2 Keperluan OSHCIM 2017**

Industri pembinaan adalah salah satu industri yang paling berbahaya untuk bekerja. Walaupun kejadian telah berkurangan dalam tempoh 20 tahun ini, masih terdapat banyak kecederaan yang membawa maut dan serius. Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 (OSHCIM 2017) menggalakkan *duty holder* dan pemegang kepentingan untuk bekerjasama bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan, dapat mengurangkan kadar kematian, kecederaan atau penyakit pekerja pembinaan disebabkan oleh kerja yang mereka lakukan.

## **1.3 Apakah maksud Garis Panduan OSHCIM untuk anda?**

Bahagian ini menerangkan tentang sebab pentingnya untuk mengetahui bagaimana OSHCIM 2017 mempengaruhi seseorang sebagai pemegang kepentingan dan tugas mereka.

### **1.3.1 Apakah tapak pembinaan yang perlu mematuhi OSHCIM?**

OSHCIM boleh digunakan untuk semua tapak pembinaan. Banyak kecederaan maut dan serius berlaku di tapak pembinaan yang lebih kecil, semasa pembinaan dan penyelenggaraan dan pekerjaan domestik. Tiada dua tapak pembinaan yang sama dan masing-masing akan mempunyai kaedah sendiri yang melibatkan pekerja dalam menjamin keselamatan dan kesihatan. Projek yang lebih kecil mungkin akan menggunakan cara komunikasi yang tidak rasmi, seperti membincangkan isu-isu keselamatan dan kesihatan sewaktu menikmati teh atau kopi sebelum kerja bermula. Projek yang lebih besar di mana pekerja daripada beberapa kontraktor bekerja bersama, mempunyai kaedah komunikasi yang lebih formal, seperti jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dan wakil keselamatan. Ini mungkin akan digabungkan dengan pendekatan tidak rasmi.

### **1.3.2 Apakah yang patut dijangkakan oleh pemegang kepentingan semasa berada di tapak pembinaan?**

Tanpa mengira saiz projek, standard asas perlu disediakan. Standard ini memberikan maklumat kepada semua personel pembinaan mengenai tugas dan kebajikan yang perlu dipenuhi.

Pemegang kepentingan patut mengharapkan klien, pereka dan kontraktor untuk:

- a) menyediakan maklumat mengenai keselamatan dan kesihatan kepada semua personel pembinaan, termasuk induksi tapak.
- b) memastikan semua personel pembinaan mempunyai latihan yang diperlukan untuk bekerja dengan selamat dan sihat.
- c) berunding dan terlibat dengan semua personel pembinaan mengenai kesihatan dan keselamatan
- d) memupuk budaya hormat dan percaya di tempat kerja.
- e) menyediakan penyeliaan yang sesuai, bergantung kepada aktiviti kerja yang dijalankan dan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman individu
- f) memastikan bahaya kesihatan serta bahaya keselamatan diuruskan, dan risiko kesihatan dikomunikasikan dengan jelas kepada semua, bersama-sama dengan butiran langkah-langkah kawalan
- g) menerangkan aturan untuk kerjasama dan penyelarasan antara klien, pereka dan kontraktor
- h) memastikan terdapat kemudahan kebajikan yang mencukupi, bersih dan boleh diakses (seperti tandas dan bilik air) untuk lelaki dan wanita
- i) mematuhi keperluan keselamatan dan kesihatan undang-undang untuk tapak pembinaan.

## **2.0 PRINSIP PENGURUSAN RISIKO**

### **2.1 Prinsip Umum Pencegahan**

Prinsip pencegahan menyediakan rangka kerja untuk membantu pemegang kepentingan dalam industri pembinaan memahami, mengenalpasti dan melaksanakan langkah-langkah untuk mengawal risiko pada projek pembinaan.

Prinsip umum pencegahan adalah untuk:

- a) Mengelak risiko
- b) Menilai risiko yang tidak dapat dielakkan
- c) Menangani risiko pada sumber
- d) Menyesuaikan kerja dengan individu, terutamanya mengenai reka bentuk tempat kerja, pilihan peralatan kerja dan pilihan kaedah kerja dan pengeluaran, dengan tujuan, khususnya, untuk mengurangkan kerja membosankan, bekerja pada kadar kerja yang telah ditetapkan dan mengurangkan kesannya terhadap kesihatan
- e) Membiasakan diri dengan kemajuan teknikal
- f) Menggantikan yang berbahaya dengan yang tidak berbahaya atau kurang berbahaya
- g) Membangunkan dasar pencegahan menyeluruh koheren yang meliputi teknologi, organisasi kerja, keadaan kerja, hubungan sosial dan pengaruh faktor yang berkaitan dengan persekitaran kerja
- h) Memberi keutamaan terhadap langkah-langkah perlindungan kolektif berbanding langkah-langkah perlindungan individu
- i) Memberi arahan yang sesuai kepada pekerja.

## **2.2 Pengurusan Risiko Reka Bentuk**

Tujuan pengurusan risiko adalah untuk meramalkan peristiwa kritikal dan akibatnya, mengurangkan, mengelakkan atau memindahkan risiko ke bahagian lain projek.

Secara umum, pengenalpastian bahaya dan penaksiran risiko adalah proses yang mana pereka dan pereka utama akan memeriksa kerja reka bentuk semasa ia sedang berjalan. Rajah 2.1 menerangkan aliran proses pengurusan risiko yang merangkumi:

- a) Pengenalpastian, penghapusan dan pengurangan bahaya dan risiko
- b) Maklum balas berkadar terhadap bahaya dan risiko yang boleh dijangkakan
- c) Elaun masa yang mencukupi bagi reka bentuk dan pengaturcaraan pembinaan (maklumat yang betul kepada orang yang betul pada masa yang sesuai)
- d) Mengadakan semakan reka bentuk sistematik pada peringkat yang sesuai untuk memeriksa risiko dan isu yang penting dan menyelaras tindak balas pengurusan
- e) Memastikan kerjasama yang berkesan dengan tapak pembinaan yang bersebelahan
- f) Mengelakkan rekod proses Pengurusan Risiko Reka Bentuk yang mencukupi – bukan semuanya; segala yang penting sahaja
- g) Mengkaji maklumat bahaya dan risiko sebelum maklumat reka bentuk dikeluarkan
- h) Menyediakan maklumat bahaya dan risiko dalam format yang jelas, ringkas dan sesuai.



**Rajah 1:** Prosedur pengurusan risiko reka bentuk dalam amalan

### 2.3 Pertimbangan Risiko Tertentu

Pelan Fasa Pembinaan yang disediakan oleh kontraktor utama mesti merangkumi langkah-langkah khusus untuk menangani sebarang maklumat risiko yang disediakan oleh klien atau pereka utama berhubung dengan risiko tertentu yang dikenal pasti dalam Garis Panduan OSHCIM 2017 dan disenaraikan di bawah. Pereka utama harus mengkaji maklum balas terhadap risiko tertentu dengan kontraktor utama, kerana ini mungkin mempunyai kesan ke atas kebolehbinaan (*buildability*), penggunaan dan penyelenggaraan.

Maklumat berikut diambil daripada Garis Panduan OSHCIM 2017, Lampiran 4 – Kerja yang melibatkan risiko tertentu:

- Kerja yang menyebabkan pekerja berisiko untuk dikebumikan di bawah tanah runtuh, tenggelam di kawasan paya atau jatuh dari tempat tinggi, di mana risiko itu diterukkan lagi oleh sifat kerja atau proses yang digunakan atau oleh alam sekitar di tempat kerja atau tapak.

- b) Kerja yang menyebabkan pekerja terdedah pada risiko daripada bahan kimia atau biologi yang mewujudkan bahaya tertentu kepada keselamatan atau kesihatan pekerja atau melibatkan keperluan undang-undang untuk pemantauan kesihatan.
- c) Bekerja dengan radiasi mengionkan.
- d) Bekerja berhampiran talian elektrik bervoltan tinggi.
- e) Kerja-kerja yang mendedahkan pekerja kepada risiko lemas.
- f) Bekerja di telaga, kerja tanah dibawah tanah dan terowong.
- g) Kerja yang dilakukan oleh penyelam yang mempunyai sistem bekalan udara.
- h) Kerja yang dijalankan oleh pekerja dalam kaison dengan keadaan udara termampat.
- i) Kerja yang melibatkan penggunaan bahan letupan.
- j) Kerja yang melibatkan pemasangan atau pemisahan komponen pasang-siap yang berat.

Pastikan maklumat mengenai kerja-kerja ini sentiasa diketahui, dan dikongsi oleh, Pereka dan orang lain dalam fasa pra-pembinaan. Maklumat mengenai apa-apa kerja dan risiko sisa (selepas pereka telah berusaha untuk menghapuskan risiko melalui proses reka bentuk berikutnya) hendaklah diberikan kepada kontraktor dan kontraktor utama pada masa yang tepat untuk membolehkan maklumat itu diambil kira dalam memperuntukkan sumber, termasuk masa dan wang. Maklumat ini akan menjadi sebahagian daripada maklumat pra-pembinaan.

Pengurusan risiko reka bentuk adalah istilah yang diberikan kepada proses pengurusan semasa fasa pra-pembinaan yang bertujuan untuk menyampaikan reka bentuk yang memenuhi semua keperluan kesihatan dan keselamatan, dan yang membuat pembinaan, penggunaan, penyelenggaraan dan perobohan projek yang selamat untuk pekerja dan pengguna.

## **2.4 Pertimbangan reka bentuk yang akan memaklumkan Pengurusan Risiko Reka Bentuk**

- a) Apakah yang sedang dibina? Apa yang ia sepatutnya kelihatan seperti, dan apakah fungsinya?
- b) Di manakah projek dibina?
- c) Bahan apakah yang akan digunakan, dan bagaimanakah ia akan ditentukan?
- d) Bagaimanakah ia akan dibina, apakah risiko kepada pekerja tapak, pengguna dan/atau orang awam?
- e) Bilakah ia akan dibina, berapa lamakah masa yang diperlukan untuk membinanya atau berapa lamakah masa yang hendak diberikan oleh Klien?
- f) Apakah kekangan dan keadaan yang mempengaruhi reka bentuk dan pembinaan?
- g) Siapa lagi yang mereka bentuk projek ini, dan apakah unsur atau aspek yang mereka hadapi?
- h) Apakah yang sedang berlaku di tapak atau kawasan bersebelahan?
- i) Apakah yang akan terus dilakukan atau digunakan di tapak semasa Fasa Pembinaan?
- j) Adakah ini struktur yang akan digunakan sebagai tempat kerja dan/atau digunakan oleh orang awam?
- k) Bagaimanakah struktur ini akan diselenggara (risiko kepada pekerja tapak, penyelenggara, pengguna dan/atau orang awam)?
- l) Bagaimanakah struktur ini dbersihkan, diakses, diubah, diperbaharui, dikeluarkan atau dirobohkan?

Proses pengurusan risiko adalah cara yang sistematik untuk membuat projek pembinaan yang selamat semunasabahnya praktik dan ia juga akan digunakan sebagai sebahagian daripada proses reka bentuk. Ia melibatkan langkah-langkah yang meluas seperti berikut:

- a) Kenal pasti bahaya yang boleh dijangka yang berkaitan dengan reka bentuk,
- b) Menilai risiko yang timbul daripada bahaya,
- c) Menghapuskan atau meminimumkan risiko dengan membuat langkah-langkah kawalan,
- d) Menilai semula risiko dengan langkah kawalan yang telah dilaksanakan,
- e) Memantau dan menyemak langkah-langkah kawalan.

### **3.0 PANDUAN INDUSTRI UNTUK BADAN PENGUATKUASA**

Panduan ini menyediakan garis panduan mengenai tugas dan tanggungjawab badan penguatkuasa berkenaan dengan pelaksanaan OSHCIM. Keselamatan dan kesihatan adalah salah satu pertimbangan yang paling penting yang perlu diambil kira semasa fasa pra-pembinaan. Semua aspek idea keselamatan dan kesihatan pembinaan mestilah dipertimbangkan sepanjang kitaran hayat pembinaan. Garis panduan ini memberi tumpuan kepada keselamatan dan kesihatan pada peringkat awal reka bentuk iaitu fasa pra-pembinaan.

Rangka garis panduan ini akan menjadi keperluan asas bagi keselamatan dan kesihatan yang perlu dipertimbangkan oleh badan penguatkuasa bagi mematuhi undang-undang dan peraturan dalam projek pembinaan. Garis panduan ini sangat disyorkan supaya peraturan ini dipatuhi dengan teliti. Bagi membolehkan badan penguatkuasa untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan, pendekatan konsep Selamat dengan Reka Bentuk (SbD) yang betul melalui latihan formal adalah perlu.

Agensi-agensi kerajaan harus menyediakan modul latihan lengkap dan perlu menjelaskan bagaimana SbD akan dipertimbangkan dalam setiap pengurusan reka bentuk projek pembinaan. Badan penguatkuasa juga perlu mengambil kira semua luahan *duty holder* dan pemegang kepentingan dan memberi maklum balas mengenai penggunaan amalan SbD.

#### **3.1 Perundingan dan Penglibatan**

Badan penguatkuasa hendaklah menggalakkan *duty holder* (iaitu klien, pereka dan kontraktor) dan pemegang kepentingan (iaitu Pekerja, Institusi Pendidikan, Institusi AEC, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain) supaya menggunakan dan melaksanakan konsep SbD melalui perundingan dan penglibatan. Perundingan dan penglibatan adalah penting untuk memastikan kejayaan OSHCIM. Objektif perundingan dan penglibatan adalah untuk

memastikan konsep OSHCIM diterima dengan baik oleh industri. Untuk memudahkan proses pelaksanaan OSHCIM, penguatkuasa digalakkan untuk mempromosikan program, modul, kesedaran, ceramah, seminar, pameran, dan perkhidmatan OSHCIM. Ini adalah penting kerana *duty holder* dan pemegang kepentingan mungkin tidak tahu di mana dan siapa yang perlu ditemui untuk berunding bagi meningkatkan pengetahuan mereka mengenai OSHCIM.

Penglibatan dan promosi boleh dilakukan dengan menyediakan taklimat, latihan, seminar atau aktiviti-aktiviti berkumpulan yang lain. Badan penguatkuasa juga harus menggalakkan klien, pereka dan kontraktor supaya bekerjasama sebagai satu pasukan untuk mengenal pasti bahaya, penaksiran dan kawalan risiko. Penyelarasian dan kerjasama antara *duty holder* dan pemegang kepentingan perlu dijalankan sepanjang kitaran hayat projek pembinaan iaitu fasa pra-pembinaan, semasa fasa pembinaan dan fasa selepas pembinaan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan OSHCIM 2017.

### **3.2 Jawatankuasa Selamat dengan Reka Bentuk (SbD)**

Agensi-agensi kerajaan yang menguatkuasakan keperluan OSHCIM, harus membentuk jawatankuasa selamat dengan reka bentuk. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menguruskan aktiviti-aktiviti badan penguatkuasa dan memberi panduan mengenai pelaksanaan OSHCIM untuk sebarang projek pembinaan.

Dengan menggunakan panduan ini, aktiviti penguatkuasaan dapat diseragamkan, dan jawatankuasa itu dapat menguruskan prestasi dan tingkah laku ahli-ahli mereka supaya jika ada aduan yang difailkan, tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Badan penguatkuasa patut memupuk budaya yang menggalakkan penglibatan ahli-ahli jawatankuasa dan wakil mereka. Ini sepatutnya memberi hasil positif dalam menangani masalah orang ramai dengan cepat.

Untuk memastikan jawatankuasa dapat mengambil bahagian sepenuhnya dalam kerja mereka, pihak berkuasa kerajaan akan menyediakan latihan asas apabila melantik pasukan dan latihan tahunan supaya amalan tersebut masih terus diguna. Badan penguatkuasa harus memberikan maklumat terbaru tentang SbD dan amalan terbaik dalam industri pembinaan supaya ahli-ahli jawatankuasa akan jelas mengenai peraturan dan mereka dapat melaksanakan OSHCIM dengan lebih jelas. Badan penguatkuasa juga harus menyediakan latihan induksi tapak yang sangat spesifik kepada ahli-ahli organisasi yang baru.

Induksi itu harus menerangkan dengan jelas:

- i. Komitmen badan penguatkuasa terhadap SbD
- ii. Maklumat mengenai dasar penguatkuasaan
- iii. Pendekatan Konsep SbD
- iv. Peraturan dan tanggungjawab
- v. Menyediakan aturan keselamatan dan reka bentuk yang jelas untuk mengawal bahaya pembinaan
- vi. Menyediakan prosedur penguatkuasaan yang jelas untuk penjadualan dan perancangan

### **3.3 Menyemak Kajian Reka Bentuk dalam Fasa Pra-Pembinaan**

Seperti yang dinyatakan dalam OSCHIM 2017, pereka dan klien harus memeriksa prestasi kualiti reka bentuk seperti kajian reka bentuk konsep, kajian reka bentuk terperinci dan kajian reka bentuk fasa pra-pembinaan. Badan penguatkuasa digalakkan untuk mempunyai pengetahuan tentang prosedur kajian reka bentuk yang akan dijalankan oleh pasukan reka bentuk.

Penilaian reka bentuk proses terperinci telah disediakan dalam garis panduan *duty holder*. Badan penguatkuasa harus menyemak laporan keselamatan dan kesihatan dan memberikan maklum balas atau komen mengenai kecukupan kawalan bahaya keselamatan dan kesihatan di tapak. Ciri-ciri kajian reka

bentuk akan dipaparkan semasa fasa projek. Jika laporan keselamatan dan kesihatan menyatakan bahawa kawalan tidak mencukupi, maka badan penguatkuasa harus memberi panduan mengenai pembaikan reka bentuk. Sekiranya badan penguatkuasa tidak dapat menjalankan kajian reka bentuk, badan penguatkuasa boleh meminta untuk melakukan perundingan.

### 3.3.1 Prosedur Kajian Reka Bentuk (DRP)

Objektif kajian reka bentuk adalah untuk mengenal pasti risiko yang ketara, berkadar dan membawa kepada pengurangan birokrasi yang tidak perlu, kerja pasukan yang lebih baik, dan pengurusan projek yang lebih baik yang menggalakkan kualiti dan nilai yang lebih baik untuk semua orang.

Kajian reka bentuk termasuklah menganalisis butiran yang relevan dan bekerjasama dengan orang lain untuk mengenal pasti risiko yang ketara, mengurangkan impak mereka, merekodkan penemuan penting dan menghasilkan maklumat yang sesuai untuk disampaikan.


Prosedur kajian reka bentuk meliputi peranan setiap *duty holder* dan akan melalui tiga peringkat:

- a) Kajian Reka Bentuk Konsep
- b) Kajian Reka Bentuk Terperinci
- c) Kajian Pelan Pra-Pembinaan

Setiap peringkat ini memerlukan maklumat dan dokumentasi yang dihasilkan dan disampaikan oleh setiap *duty holder*. Pertimbangan mengenai isu keselamatan dan kesihatan bagi setiap kajian reka bentuk telah disenaraikan pada **Lampiran 1**.

Pereka hendaklah mengambil kira pendekatan sistematik yang ditunjukkan dalam Rajah 3.1 atau proses yang setara yang memenuhi

objektif prinsip pengurusan risiko.



Rajah 2: Pengurusan Risiko Yang Sistematik

Dalam amalan, masa untuk kajian reka bentuk akan berbeza berdasarkan jenis kontrak projek seperti Kontrak Tradisional (reka-bida-bina) dan Kontrak Reka dan Bina seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 dan Rajah 4.

Oleh kerana reka bentuk sedang dijalankan dan perincian dikembangkan ke peringkat seterusnya, terdapat peluang untuk menyemak dan mengesahkan keputusan untuk memastikan keberkesanan kawalan yang diterima pakai dalam penyelesaian reka bentuk. Biasanya lebih mudah untuk membetulkan atau menghapuskan risiko seawal mungkin.


Kajian keselamatan reka bentuk ini melibatkan orang yang akan membina, menggunakan dan menyelenggara aset tersebut. Kajian ini akan memberi tumpuan terhadap pelbagai peringkat kitaran hayat,

termasuk:

- a) reka bentuk untuk pembinaan yang selamat;
- b) reka bentuk untuk memudahkan penggunaan yang selamat;
- c) reka bentuk untuk penyelenggaraan yang selamat;
- d) reka bentuk untuk pengubahsuaian, perobohan, perombakan dan pelupusan.



**Rajah 3:** Proses kajian reka bentuk untuk Kontrak Tradisional



### 3.4 Kerjasama dan Penyelarasan

Badan penguatkuasa harus menggalakkan *duty holder* untuk bekerjasama antara satu sama lain dan menyelaraskan kerja mereka untuk memastikan keselamatan dan kesihatan. Badan penguatkuasa juga harus menggalakkan komunikasi di antara *duty holder* untuk memastikan semua orang memahami risiko dan langkah-langkah untuk mengawal risiko tersebut. Contohnya, komunikasi melalui perbincangan biasa antara klien, pereka utama dan kontraktor utama untuk memastikan mereka mempunyai masa dan sumber untuk merancang, mengurus, memantau dan menyelaras fasa pra-pembinaan dan pembinaan. Kontraktor utama bertanggungjawab untuk menyelaraskan penglibatan pekerja dan perinciannya boleh direkodkan dalam pelan fasa pembinaan. Aturan dalam pelan fasa pembinaan mesti dikemas kini apabila keadaan di tapak berubah. Selain itu, badan penguatkuasa harus menyediakan landasan/platform untuk mengumpulkan dan berkongsi dengan orang lain mengenai sebab dan akibat kesilapan yang sering berlaku untuk mengelakkan masalah di masa hadapan.

### **3.5 Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman**

Kompetensi adalah lebih daripada sekadar latihan atau kelayakan. Ia adalah tentang mengetahui bagaimana untuk melaksanakan tanggungjawab institusi dengan selamat – mempunyai kemahiran, pengetahuan, latihan, pengalaman dan sikap yang tepat untuk memastikan tiada kemudaratannya kepada institusi dan orang lain. Kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman adalah sangat penting bagi membolehkan badan penguatkuasa menjalankan tugas mereka. Penguatkuasa sepatutnya mempunyai kompetensi seperti yang dinyatakan dalam dasar institusi. Orang yang menjaga (*person in charge*) harus dinilai dan diuji secara berterusan supaya keupayaan mereka bekerja dengan cekap dapat dijamin sentiasa. Badan penguatkuasa harus mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk membantu mereka membuat keputusan yang selamat dan semua ahli akan memahami prosedurnya dengan lebih mudah, untuk menilai prestasi pelaksanaan OSHCIM dalam projek pembinaan.

#### **3.5.1 Keupayaan Penguatkuasaan**

Badan penguatkuasa harus menggalakkan ahli-ahli mereka untuk menerapkan dan melaksanakan OSHCIM. Badan penguatkuasa hendaklah menyediakan latihan lengkap dan menetapkan keperluan minimum ke atas kompetensi dalam SbD. Sebelum pelaksanaan undang-undang OSHIM, penguatkuasa perlu mempunyai pengetahuan yang patut mengenai OSHCIM. Penguatkuasa perlu mempunyai pendidikan dan kemahiran yang betul mengenai penguatkuasaan OSHCIM. Ini termasuklah pengetahuan tentang konsep asas reka bentuk keselamatan atau juga dikenali sebagai pencegahan melalui reka bentuk (PtD) serta undang-undang, teknologi, perkhidmatan, perisian dan perkakasan yang menyeluruh yang berkaitan dengan OSHCIM. Penguatkuasa DOSH dan CIDB perlu dilatih dengan baik dalam PtD kerana industri tidak mempunyai pengetahuan yang wajar mengenai subjek ini. Modul, seminar,

ceramah, bengkel, latihan amali mengenai peralatan dan alat baru akan membantu meningkatkan kapasiti penguatkuasa dalam OSHCIM.

### **3.5.2 Kompetensi OSHCIM**

Badan penguatkuasa juga harus menyediakan kursus latihan kompetensi dan mengesahkan orang yang kompeten dengan kelulusan daripada agensi kerajaan. Pengiktirafan Kompetensi OSHCIM akan merangkumi 1) Pelatih Kompeten dan 2) Orang Kompeten OSHCIM. Kelayakan untuk kedua-dua kompetensi adalah seperti berikut:

#### **3.5.2.1Kelayakan untuk pelatih**

Bagi pelatih kompeten, badan penguatkuasa menyatakan bahawa kelayakan pelatih akan merangkumi tetapi tidak terhad kepada:

- a) Mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang seni bina/ kejuruteraan/ juruukur bahan dan/atau kursus lain yang berkaitan dengan pembinaan
- b) Mempunyai lebih daripada 10 tahun pengalaman dalam pembinaan
- c) Berdaftar dengan badan profesional yang berkaitan
- d) Lulus Tahap 1 & Tahap 2 TTT HRDF
- e) Berdaftar dengan penyedia latihan yang disahkan oleh DOSH
- f) Pelatih berdaftar yang disahkan oleh DOSH

#### **3.5.2.2Kelayakan Orang Kompeten OSHCIM**

Bagi orang yang kompeten OSHCIM, badan penguatkuasa harus menyediakan modul latihan yang sesuai untuk melatih orang yang kompeten. DOSH disyorkan untuk memohon

keperluan penyertaan untuk kursus OSHCIM dan keperluan untuk disahkan sebagai kompeten.

- i. Syarat Penyertaan Kursus OSHCIM:
  - a) Memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang seni bina/ kejuruteraan/ juruukur bahan dan/atau kursus lain yang berkaitan dengan pembinaan;
  - b) Profesional berdaftar dengan lembaga profesional masing-masing;
  - c) Mempunyai minimum 3 tahun pengalaman dalam pembinaan.
- ii. Syarat untuk Pengiktirafan sebagai Orang Kompeten:
  - a) Mesti menghadiri kursus OSHCIM selama 2 hari;
  - b) Lulus peperiksaan;
  - c) Lulus tugas kerja dalam masa 2 bulan; dan
  - d) Selepas 2 tahun bekerja dalam pembinaan, akan layak memohon wawancara sebagai orang kompeten.

### **3.6 Promosi dan Amalan Terbaik**

Bagi memudahkan proses pelaksanaan OSHCIM, penguatkuasa digalakkan untuk mempromosikan program, modul, kesedaran, ceramah, seminar, pameran dan perkhidmatan OSHCIM. Ini adalah penting kerana syarikat mungkin tidak tahu ke mana hendak dituju dan siapa yang perlu dirujuk untuk meningkatkan pengetahuan mereka mengenai OSHCIM. Promosi boleh dilakukan melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti CIDB dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), yang mungkin mempunyai hubungan langsung dan pengaruh terhadap ahli perindustrian pembinaan. Seperti yang telah dicapai di negara-negara lain yang mempromosikan prinsip pencegahan melalui reka bentuk (PtD), agensi penguatkuasaan dapat mempromosikan manfaat dan penerimaan OSHCIM

melalui banyak seminar, bengkel, simposium dan pembentangan yang telah dianjurkan untuk mempromosikan prinsip PtD kepada industri pembinaan. Melalui simposium, dan pembentangan, pelbagai alat dan metodologi boleh digalakkan untuk dibangunkan dan dicadangkan oleh ahli akademik, jurutera-jurutera dan ahli profesional keselamatan dalam industri pembinaan untuk mencapai penerimaan daripada industri secara keseluruhan. Badan penguatkuasa juga harus menjalankan kegiatan dan inisiatif PtD yang meluas di bidang seperti penyelidikan, pendidikan, amalan dan dasar, dalam kerjasama dengan pelbagai agensi, persatuan dan organisasi.

## **4.0 PANDUAN INDUSTRI UNTUK PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)**

Panduan ini menyediakan garis panduan mengenai kewajipan dan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dengan pelaksanaan OSHCIM. Keselamatan dan kesihatan adalah salah satu pertimbangan yang paling penting yang perlu diambil kira semasa fasa pra-pembinaan.

Semua aspek idea keselamatan dan kesihatan pembinaan mestilah dipertimbangkan sepanjang kitaran hayat pembinaan. Garis panduan ini akan memberi tumpuan kepada keselamatan dan kesihatan pada peringkat awal reka bentuk iaitu fasa pra-pembinaan.

Rangka garis panduan akan berdasarkan keperluan asas bagi keselamatan dan kesihatan yang harus dipertimbangkan oleh PBT dalam menguruskan projek pembinaan. Garis panduan ini sangat disyorkan supaya peraturan ini dipatuhi dengan teliti.

PBT mestilah mempunyai pengetahuan dalam Selamat dengan Reka Bentuk (SbD) untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Institusi kerajaan harus menyediakan modul latihan lengkap untuk mendidik ahli-ahli PBT mengenai SbD.

PBT perlu menjelaskan manfaat dan aliran kerja OSHCIM kepada ahli-ahlinya mengenai bagaimana ia membantu dalam mengurus kesihatan dan keselamatan dalam pembangunan pembinaan dan harus mempertimbangkan luahan dan maklum balas ahli mereka tentang pelaksanaan amalan tersebut.

### **4.1 Perundingan dan Penglibatan**

Perundingan adalah sangat penting untuk memastikan konsep OSHCIM

diterima dan dilaksanakan dengan baik oleh industri. PBT sepatutnya mempunyai pengetahuan tentang keselamatan pembinaan pada peringkat awal reka bentuk dan membincangkan isu-isu itu dengan pemaju. PBT mestilah berpengetahuan dalam OSHCIM supaya mereka dapat memainkan peranan mereka dalam sebarang projek pembangunan.

PBT mesti berunding dan terlibat dengan pemaju untuk memastikan semua maklumat pra-pembinaan seperti yang dinyatakan dalam garis panduan OSHCIM 2017 mengenai projek pembangunan telah disediakan sebagai sebahagian daripada keperluan untuk semua permohonan pembangunan projek. Penglibatan boleh dilakukan dengan menyediakan taklimat, latihan, seminar atau aktiviti-aktiviti lain kepada klien untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang keperluan tambahan. Kandungan penglibatan adalah berkaitan dengan maklumat keselamatan pra-pembinaan seperti yang disebutkan dalam garis panduan OSHCIM 2017.


#### **4.2 Jawatankuasa Kajian Reka Bentuk OSHCIM**

PBT harus membentuk jawatankuasa Kajian Reka Bentuk OSHCIM untuk mengendalikan semua perkara berkaitan dengan keperluan dan isu SbD. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menguruskan aktiviti pemaju dan memberi panduan mengenai keperluan keselamatan dan kesihatan untuk dipertimbangkan bagi kelulusan projek pembangunan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menguatkuasakan standard yang berkaitan, mengurus dan menilai pemenuhan keperluan keselamatan dan kesihatan untuk semua permohonan perintah pembangunan (DO).


Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memupuk budaya yang menggalakkan penglibatan ahli dan wakil jawatankuasa dalam hal SbD. Bagi apa-apa permohonan yang ditolak disebabkan oleh keperluan SbD yang tidak mencukupi dalam permohonan itu, jawatankuasa itu hendaklah memberi cadangan dan nasihat untuk penambahbaikan.

#### **4.2.1 Kajian Reka Bentuk**

Seperti yang dinyatakan dalam OSCHIM 2017, klien dan pereka perlu melakukan beberapa pemeriksaan kualiti reka bentuk terutama dalam; Kajian reka bentuk konsep, kajian reka bentuk terperinci dan kajian pembinaan (Rajah 4.1 dan Rajah 4.2 menunjukkan Kontrak Tradisional dan Kontrak Bida-dan-Bina). Butiran penilaian reka bentuk proses boleh didapati dalam garis panduan *duty holder* OSCHIM. Kajian reka bentuk ini adalah sebahagian daripada kandungan fail keselamatan dan kesihatan yang perlu disediakan oleh pemaju/klien melalui Pereka Utama mereka. Pertimbangan mengenai isu keselamatan dan kesihatan bagi setiap kajian reka bentuk telah disenaraikan dalam **Lampiran 1.**



**Rajah 5:** Proses kajian reka bentuk untuk kontrak tradisional




**Rajah 6:** Proses kajian reka bentuk untuk kontrak reka dan bina

#### **4.2.2 Permohonan Perintah Pembangunan**

PBT digalakkan untuk meminta klien mengemukakan fail Keselamatan dan Kesihatan (rujuk **Lampiran 2** – Fail keselamatan dan kesihatan) sebagai sebahagian daripada keperluan permohonan perintah pembangunan. Laporan keselamatan harus mengandungi ringkasan keselamatan dan kesihatan projek dan harus mengenal pasti bahaya yang berkaitan dengan projek pembangunan seperti isu geografi persekitaran, tanah dan bangunan di sekelilingnya (rujuk **Lampiran 3** – Maklumat Pra-Pembinaan). PBT harus memastikan kategori bangunan yang akan dibangunkan adalah sejajar dengan perancangan bandar. Justeru, oleh Jawatankuasa SbD bertanggungjawab untuk menguatkusakan standard yang berkaitan, mengurus dan menilai pemenuhan keperluan keselamatan dan kesihatan untuk semua permohonan perintah pembangunan (DO). Aturan permohonan bagi projek pembangunan baru and dokumen yang dicadangkan untuk diperolehi daripada pemohon ditunjukkan di Rajah 7.

Pemaju bertanggungjawab untuk menyerahkan fail keselamatan dan kesihatan sebagai sebahagian daripada keperluan untuk permohonan perintah pembangunan (DO). Laporan ini hendaklah mengandungi pengenalpastian bahaya, penaksiran risiko dan kawalan risiko. Pengurusan keselamatan dan kesihatan yang betul dalam perancangan dan penjadualan projek pembinaan mestilah disediakan dan mestilah sesuai. Oleh itu, pemaju mesti menyediakannya ke tahap keselamatan yang diterima.



**Rajah 7:** Proses kelulusan projek pembangunan

#### 4.3 Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman

Untuk memastikan OSHCIM dijalankan dan dilaksanakan dengan baik, PBT mesti memastikan bahawa personel dan agensi lain yang terlibat memiliki kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang berkaitan. Kemahiran, pengetahuan dan pengalaman mengenai SbD adalah amat penting untuk membolehkan PBT membuat keputusan mengenai kelulusan perintah pembangunan (DO). PBT harus menggunakan pengetahuan dan

pengalaman mereka untuk menganalisis tahap risiko reka bentuk yang dicadangkan dan memastikan bahaya itu dihapuskan dan dikendalikan secukupnya.

PBT perlu mendapatkan maklumat terkini tentang OSHCIM dan amalan terbaik dalam industri pembinaan supaya setiap ahli akan jelas mengenai peraturan untuk melaksanakan OSHCIM dengan jayanya. Bagi Jawatankuasa Kajian Reka Bentuk OSHCIM, untuk memastikan mereka adalah kompeten sepenuhnya untuk melaksanakan kerja mereka, institusi akan menyediakan latihan asas apabila melantik pasukan dan latihan tahunan untuk memastikan mereka mengetahui amalan semasa dan yang terkini.

Untuk ahli baru, PBT perlu menyediakan induksi yang menerangkan dengan jelas tentang:

- a) Komitmen PBT dalam SbD
- b) Butiran Prosedur Operasi Standard (SOP)
- c) Pendekatan konsep SbD
- d) Peranan dan tanggungjawab mereka
- e) Menyediakan aturan keselamatan dan reka bentuk yang jelas untuk mengawal bahaya pembinaan.
- f) Menyediakan prosedur penguatkuasaan yang jelas untuk penjadualan dan perancangan.

#### **4.4 Amalan Pengurusan yang Baik**

- a) PBT perlu mempunyai komitmen yang kuat dalam sistem pengurusan amalan reka bentuk dengan mempunyai alat pengurusan yang sistematis.
- b) PBT menggalakkan ahli untuk menjadi proaktif dalam menggunakan konsep selamat dengan reka bentuk (SbD) melalui OSHCIM dalam kerja harian mereka.

- c) PBT juga harus menyatakan dengan jelas bahawa keselamatan dan kesihatan dalam pembinaan merupakan salah satu kriteria utama bagi kelulusan perintah pembangunan (DO).

## **5.0 PANDUAN INDUSTRI UNTUK BADAN PROFESIONAL**

Panduan ini menyediakan garis panduan mengenai kewajipan dan tanggungjawab badan profesional Seni Bina, Kejuruteraan dan Pembinaan (AEC) di Malaysia yang terdiri daripada Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) berkenaan dengan pelaksanaan OSHCIM. Garis panduan ini memberi tumpuan kepada keselamatan dan kesihatan pada peringkat awal reka bentuk iaitu fasa pra-pembinaan. Ini akan menjadi keperluan keselamatan dan kesihatan yang harus dipertimbangkan ahli-ahli badan profesional AEC dalam menguruskan reka bentuk projek pembinaan. Garis panduan ini sangat disyorkan supaya peraturan ini dipatuhi dengan teliti. Badan profesional AEC akan memerlukan pengetahuan SbD dengan menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Badan profesional AEC harus menyediakan latihan yang sesuai dalam SbD untuk ahli-ahlinya dan mengambil tanggungjawab untuk mendidik mereka tentang bagaimana untuk mereka bentuk keselamatan dan kesihatan dalam projek pembinaan serta mengambil kira luahan dan maklum balas ahli mereka tentang pelaksanaan amalan tersebut.

### **5.1 Perundingan dan Penglibatan**

Badan profesional Seni Bina, Kejuruteraan dan Pembinaan (AEC) harus menggalakkan ahli AEC tentang pelaksanaan SbD melalui perundingan dan penglibatan. Perundingan dan penglibatan adalah penting untuk memastikan pemahaman dan pelaksanaan OSHCIM di kalangan ahli profesional AEC.

Objektif perundingan dan penglibatan adalah untuk memastikan konsep OSHCIM diterima dengan baik oleh pengamal industri dan profesional. Badan profesional AEC harus mendidik ahli-ahli AEC melalui perundingan dengan mereka untuk memeriksa isu-isu reka bentuk yang boleh menjelaskan keselamatan dan kesihatan projek pembinaan. Berdasarkan pelaksanaan ini, konsep pemilikan OSHCIM di kalangan profesional AEC dapat dicapai dalam tempoh yang lebih singkat.

Penglibatan boleh dilakukan dengan menyediakan taklimat, latihan, seminar atau aktiviti-aktiviti lain. Badan profesional AEC harus menggalakkan ahli-ahlinya untuk terlibat dengan personel tapak pembinaan yang lain mengenai keselamatan dan kesihatan projek pembinaan melalui sesi taklimat, perbincangan dan latihan keselamatan. Kandungan penglibatan adalah berkaitan dengan keperluan keselamatan pra-pembinaan seperti yang disebutkan dalam garis panduan OSHCIM 2017.

## **5.2 Jawatankuasa Selamat dengan Reka Bentuk (SbD)**

Badan profesional AEC harus mengambil tanggungjawab untuk menggalakkan pelaksanaan OSHCIM. Ini boleh dilakukan melalui pembentukan jawatankuasa SbD.

### **5.2.1 Tujuan Jawatankuasa SbD**

Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menguruskan aktiviti badan profesional AEC dan memberi panduan mengenai prosedur reka bentuk selamat untuk dipatuhi oleh ahli profesional AEC.

Jawatankuasa ini akan mengeluarkan satu siri kod amalan untuk badan profesional AEC untuk diikuti berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan reka bentuk projek pembinaan.

Jawatankuasa ini perlu mendapatkan dan menyebarkan maklumat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan SbD supaya badan-badan profesional AEC dapat melaksanakan peranan mereka dalam memastikan ahli mereka mempertimbangkan keselamatan dan kesihatan dalam reka bentuk mereka.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menguruskan prestasi dan tingkah laku ahli-ahli mereka supaya jika ada pengaduan yang difaiklan, tindakan yang sewajarnya dapat diambil untuk membetulkan isu-isu tersebut. Badan profesional AEC harus memupuk budaya yang

menggalakkan penglibatan ahli-ahli dan wakil mereka.

### **5.2.2 Latihan untuk Jawatankuasa SbD**

Latihan untuk jawatankuasa SbD adalah tidak wajib tetapi kami sangat menyarankan bahawa badan profesional AEC patut mematuhi cadangan yang disediakan untuk memastikan ahli-ahli mereka berpengalaman dalam melaksanakan OSHCIM dalam reka bentuk mereka.

Untuk memastikan jawatankuasa itu adalah kompeten sepenuhnya untuk melaksanakan kerja mereka, badan profesional AEC hendaklah menyediakan latihan asas apabila melantik pasukan dan latihan tahunan untuk memastikan mereka mengetahui amalan semasa dan yang terkini. Jawatankuasa ini berhak mendapat latihan yang berkaitan secara percuma daripada badan profesional AEC masing-masing.

### **5.3 Kerjasama dan Penyelarasian**

Badan profesional AEC harus bekerjasama dengan pihak berkuasa lain dan menyokong inisiatif SbD supaya garis panduan OSHCIM dapat digunakan dengan betul oleh ahli-ahli mereka dalam menguruskan projek reka bentuk pembinaan.

Badan profesional AEC harus mendorong ahli-ahli mereka untuk memohon OSHCIM dan menggalakkan mereka untuk melaksanakan OSHCIM. Badan profesional AEC harus memastikan bahawa ahli-ahli mereka yang terlibat dalam reka bentuk projek pembinaan adalah kompeten dan berpengalaman konsep SbD dan melaksanakan keperluan SbD ke dalam keselamatan dan pertimbangan projek mereka.

Badan profesional AEC harus menyediakan landasan/platform untuk mengumpulkan dan berkongsi dengan ahli-ahli mereka mengenai sebab dan akibat kesilapan yang biasa berlaku untuk mengelakkan isu-isu yang serupa di masa hadapan.

## **5.4 Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman**

Badan profesional AEC harus memastikan bahawa hanya ahli-ahli yang berdaftar dengan badan profesional masing-masing dan yang kompeten sahaja yang boleh memberikan perkhidmatan mereka untuk mereka bentuk projek pembinaan. Kompetensi adalah lebih daripada sekadar latihan atau kelayakan. Kompetensi adalah mengetahui cara untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan selamat dengan memiliki kemahiran, pengetahuan, latihan, pengalaman dan sikap yang tepat untuk memastikan bahawa tiada kemudaratannya kepada sesiapa. Badan profesional AEC harus mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk membantu ahli-ahli mereka membuat keputusan yang lebih selamat dan SOP haruslah mudah difahami dan boleh dilakukan oleh semua ahli.

Badan profesional AEC harus memastikan bahawa ahli-ahlinya mempunyai kompetensi sebagaimana yang dinyatakan dalam dasar institusi. Kompetensi ahli-ahli mestilah dinilai secara berterusan supaya keupayaan mereka bekerja dengan cekap dapat dijamin. Kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman adalah sangat penting untuk membolehkan ahli-ahli badan profesional AEC mereka bentuk projek yang boleh dikendalikan dengan jayanya dan bebas daripada bahaya (Rujuk **Lampiran 4 – Modul Latihan yang berkaitan dengan OSHCIM**).

Badan profesional AEC harus menyediakan maklumat terkini tentang SbD dan amalan terbaik dalam industri pembinaan supaya ahli-ahli mereka akan jelas mengenai peraturan dan mereka boleh melaksanakan OSHCIM dengan lebih berkesan.

Induksi harus menerangkan dengan jelas tentang:

- a) Komitmen Institusi AEC dalam SbD
- b) Butiran Prosedur Operasi Standard (SOP)
- c) Pendekatan konsep SbD
- d) Peraturan dan tanggungjawab

- e) Menyediakan aturan keselamatan dan reka bentuk yang jelas untuk mengawal bahaya pembinaan.
- f) Menyediakan prosedur penguatkuasaan yang jelas untuk penjadualan dan perancangan

### **5.5 Amalan Pengurusan yang Baik**

Badan profesional AEC harus mempunyai komitmen yang kuat terhadap amalan pengurusan reka bentuk dengan mempunyai alat pengurusan sistematik yang baik. Ini boleh dilakukan dengan memainkan peranan mereka untuk:

1. Memastikan hanya ahli berdaftar dan kompeten sahaja yang diberi kuasa untuk terlibat dalam keputusan reka bentuk sesuatu projek
2. Institusi harus menggalakkan ahli-ahli untuk menjadi proaktif terhadap penggunaan konsep SbD dalam kerja harian mereka.
3. Institusi juga harus menyatakan dengan jelas bahawa keselamatan dan kesihatan dalam pembinaan adalah keutamaan mereka melalui pengeluaran Pemberitahuan/ Garis Panduan/ Pekeliling sebagai tanda aras bagi SbD dalam reka bentuk/ kerja.
4. Sebarang insiden, kejadian kemalangan atau kejadian berbahaya yang melibatkan tapak pembinaan mesti dilaporkan dan direkodkan. Maklumat mengenai kegagalan reka bentuk perlu dimaklumkan kepada semua *duty holder* dan pemegang kepentingan. Bahaya keselamatan dan kesihatan harus dianggap sama penting dan harus diurus dengan cara yang sama. Dengan merekodkan insiden yang berlaku, kemalangan yang serupa atau berulang dapat dielakkan.

## **6.0 PANDUAN INDUSTRI UNTUK INSTITUSI PENDIDIKAN**

Panduan ini memberi garis panduan mengenai kewajipan dan tanggungjawab institusi pendidikan berkenaan dengan pelaksanaan OSHCIM 2017. Institusi pendidikan di Malaysia perlu memberi penekanan tentang cara memupuk konsep SbD di dalam fikiran para pelajar dan fakulti hari ini yang akan membina masa depan dunia.

Institusi pendidikan di Malaysia mesti mewujudkan cadangan nilai yang kuat untuk pelajar. Sebagai peralihan orang dewasa muda daripada sekolah menengah ke kolej ke kerjaya, pendidik mesti merapatkan jurang kemahiran supaya pelajar dapat mengembangkan pengetahuan yang mereka perlukan bukan hanya untuk bersaing dalam pasaran kerja, tetapi juga untuk memaparkan kemahiran teknikal yang diperlukan sejak hari mereka menamatkan pengajian.

Cabarannya pendidikan adalah untuk melangkau jauh daripada sekadar dewan kuliah tradisional ke tempat dimana pelajar terlibat dengan aktif dan tenggelam dalam proses pembelajaran. Bagi memupuk penetapan minda tentang SbD, pelajar masa kini mesti meningkatkan kemahiran yang diperlukan untuk mengaplikasikan proses SbD secara berkesan.

Garis panduan ini memberi tumpuan kepada kesihatan dan keselamatan pada peringkat awal reka bentuk iaitu pada fasa pra-pembinaan. Garis panduan ini akan menjadi saranan asas yang perlu dilakukan oleh institusi pendidikan mengenai sukatan pelajaran dan kurikulum bagi program sarjana muda (*undergraduate*) dan lepasan ijazah (*postgraduate*) universiti masing-masing. Universiti mesti mempunyai pengetahuan yang cukup tentang pendekatan SbD supaya mereka boleh menjalankan tugas dengan berkesan. Universiti harus menyediakan program latihan untuk kakitangan dan pensyarah mereka untuk mendidik pelajar dengan berkesan tentang SbD.

## **6.1 Peranan & Tanggungjawab Institusi Pendidikan**

Pendidikan generasi muda dikenalpasti sebagai salah satu aktiviti utama bagi inisiatif SbD, merupakan faktor utama yang diperlukan untuk menjadikan SbD berjaya. Keperluan pendidikan adalah berbeza bagi setiap sektor dan tahap pendidikan pelajar. Oleh itu, strategi pendidikan perlu dibangunkan dengan pendekatan keseluruhan dan sumber, yang kemudiannya disesuaikan untuk setiap sektor.

Pengaliran utama SbD ke institusi pendidikan tinggi yang selaras dengan strategi yang sedang dilaksanakan dalam inisiatif DOSH seperti yang dinyatakan dalam OSHMP2020. Inisiatif itu menggariskan faktor kejayaan tertentu yang dikaitkan dengan menerapkan SbD ke dalam kurikulum universiti, yang sebahagiannya berkait secara khusus dengan pengintegrasian SbD ke dalam pendidikan sarjana muda. Secara umum, tema utama kawasan fungsian pendidikan SbD adalah:

- a) Mengklasifikasikan setiap tindakan pendidikan sebagai peningkatan kesedaran atau keupayaan. Kajian terperinci dan analisis jurang perlu dilakukan pada sukatan pelajaran dan kurikulum semasa di setiap universiti dan penyedia latihan dan memasukkan konsep SbD ke dalam sukatan pelajaran dan kurikulum.
- b) Membangunkan bahan sumber pendidikan yang tersedia untuk semua. Institusi pendidikan tinggi harus mengembangkan kursus SbD dan menyediakan buku teks, skim penaksiran, peperiksaan dan standard yang merujuk konsep SbD.
- c) Menyesuaikan pendekatan dan sumber kepada setiap konstituen dalam satu sektor. Kandungan sukatan pelajaran ini terdiri daripada konsep umum SbD, prinsip pencegahan, bahaya yang perlu dikendalikan dan bidang kejuruteraan tertentu dan tugas reka bentuk seperti peranan pemula SbD dan tanggungjawab sebagai arkitek, kerja awam, reka bentuk struktur, juruukur bahan, rekabentuk landskap dan lain-lain.

- d) Menggabungkan elemen untuk semua saiz syarikat. Sukatan pelajaran ini juga harus memenuhi skop penggunaan SbD yang berlainan seperti projek domestik, pembangunan perumahan, bangunan komersial, bangunan bertingkat tinggi, projek awam dan lain-lain.
- e) Menjalankan penaksiran dan usaha penambahbaikan yang berterusan. Sukatan pelajaran dan kurikulum perlu dinilai, dikaji dan terus dipertingkatkan dengan melakukan semakan dalaman, semakan luaran, akreditasi oleh pihak berkuasa dan badan profesional.
- f) Mulakan dengan mencari dan melibatkan individu dan institusi yang terbuka.
- g) Bekerjasama. Jangan menjadi preskriptif.
- h) Peka terhadap tuntutan kurikulum yang bersaing dan tekanan yang ada pada masa siswazah.
- i) Menerapkan isu SbD dalam kursus OSH dan bukannya sebagai tambahan.
- j) Menyediakan bahan-bahan pendidikan SbD yang sesuai dengan kawasan kajian pada kajian yang mereka sedang terapkan dan cara topik itu diajar.
- k) Gunakan kes-kes sebenar dan cari cara-cara untuk memperkenalkan kaedah penyelesaian masalah, pembelajaran aktif dan kaedah yang serupa.
- l) Memberi bantuan kepada ahli akademik tentang cara menggunakan bahan-bahan dengan berkesan.
- m) Kemahiran OSH dan SbD dikembangkan bukan sahaja melalui kelas teori tetapi juga dengan menjalankan aktiviti analisis risiko praktikal berdasarkan keadaan kerja dunia sebenar daripada pelbagai bidang aktiviti mengikut kawasan vokasional setiap pelajar.

Satu jawatankuasa khas diperlukan di peringkat kebangsaan dan institusi untuk memastikan institusi pendidikan melaksanakan fungsinya yang

dinyatakan di atas dengan berkesan. Jawatankuasa ini akan mengurus dan mempromosikan konsep SbD melalui taklimat, forum, iklan, mendapatkan dan memberikan maklum balas, dan memantau dan menyebarkan maklumat mengenai SbD dari semasa ke semasa. Jawatankuasa ini harus mempertimbangkan pendekatan berikut untuk penerimaan SbD yang lebih baik di institusi pendidikan tinggi:

- a) Menentukan sama ada organisasi pelesenan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Jurutera Profesional (PE) boleh mempengaruhi pendidikan.
- b) Menyelaraskan kandungan kursus dengan Penyedia Latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan seperti NIOSH Malaysia dan sebagainya.
- c) Mewujudkan jawatankuasa teknikal SIRIM dalam SbD yang mencadangkan, membangunkan dan memantau amalan terbaik terutamanya dalam kebolehbinaan dan kebolehmajuan projek pembinaan.
- d) Menerapkan SbD ke dalam teknologi, seperti reka bentuk berbantu komputer (CAD), Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) dan lain-lain.
- e) Lihat pada kejayaan proses yang digunakan dalam Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang dikuatkuasakan oleh Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA). SbD perlu dicap seperti EIA.
- f) Menyelaraskan bahan latihan dengan mengikuti jalan kebolehbinaan dan kebolehmajuan.
- g) Memgembangkan kajian kes dari laman web syarikat untuk mengesahkan proses dan berkongsi amalan terbaik.

## 6.2 Kurikulum Selamat dengan Reka Bentuk

Dalam pendidikan sekolah menengah dan ijazah sarjana, bidang kejuruteraan, seni bina, dan juruukur bahan paling kerap dikenalpasti sebagai peluang utama untuk pendidikan SbD. Terdapat satu konsensus yang jelas

dalam kumpulan pendidikan yang SbD akan dapat diperkenalkan dengan sebaiknya dalam kurikulum pendidikan melalui modul, berbanding dalam kursus lengkap. Jabatan dan fakulti, dalam kebanyakan bidang, sudah membuat pilihan yang sukar mengenai kurikulum teras dan bahan-bahan; mengubah kursus yang diperlukan kepada kursus elektif, atau membuangnya sepenuhnya. Justeru, menyediakan modul siap sedia, kajian-kajian kes, dan pelajaran lain yang boleh dimasukkan ke dalam kursus sedia ada akan memberikan kemungkinan besar bahawa konsep SbD akan diliputi.

Jika munasabah, adalah disyorkan supaya konsep SbD terikat kepada kandungan kursus yang serupa, seperti isu kemampunan dan alam sekitar. Ini akan membolehkan SbD dikaitkan kepada isu reka bentuk yang lain, dan bukannya ditangani sebagai isu terpencil. Contoh rangka kursus untuk subjek SbD boleh didapati di **Lampiran 5**.

Dua pemacu penting untuk universiti adalah akreditasi dan kedudukan. Cara-cara untuk mengambil kesempatan daripada pemacu ini harus diterokai. Dalam bidang kejuruteraan, contohnya, Lembaga Jurutera, Lembaga Arkitek dan badan-badan lain yang diberi kuasa dan input mengenai keperluan kurikulum berasal dari golongan profesional disiplin-khusus. Oleh itu, untuk pendidikan kejuruteraan, adalah penting untuk mencari cara yang sepatutnya untuk mendekati badan akreditasi, dan golongan profesional yang membantu memacu SbD ke dalam semua kurikulum.

Konsep dan pendekatan pengurusan risiko untuk SbD dapat diintegrasikan sepenuhnya ke dalam kurikulum institusi pendidikan tinggi terutamanya dalam kurikulum kejuruteraan. Ini boleh dilakukan dengan:

- a) Sebagai mata pelajaran elektif teknikal pada tahun akhir ijazah sarjana muda.
- b) minimum 1 hingga 3 jam kredit adalah disyorkan bagi peruntukan untuk konsep dan aplikasi SbD bergantung pada pengambilan kursus. Lebih jam kredit atau tutorial tambahan/ makmal komputer

untuk sesi praktikal amali mungkin diperlukan untuk kursus seni bina dan kejuruteraan awam.

- c) Aturan khas bagi beberapa kursus-kursus seni bina dan kejuruteraan untuk menjalankan kerja kumpulan untuk kerjasama dan penyelaras yang lebih baik adalah disyorkan. Ia boleh dilakukan melalui projek reka bentuk tahun akhir pada semester akhir sukan pelajaran.
- d) Sukatan pelajaran memberi peluang kepada pelajar untuk mengambil kursus umum untuk memegang dalam dua tugas sebagai jurutera dan pengurus adalah disyorkan. Melalui pendekatan ini, pelajar boleh memilih sama ada rancangan pengajian awam, mekanikal atau elektrik dan terdedah kepada pengetahuan dan kemahiran khas di luar sukan pelajaran asal.
- e) Disarankan bahawa sukan pelajaran membentarkan aturan industri untuk perkongsian pengetahuan antara institusi pengajian tinggi dan industri. Sesi khas boleh dianjurkan seperti ceramah, seminar, penempatan (*attachment*) industri, lawatan tapak, latihan praktikal dan sebagainya. Aktiviti hubungan industri-akademik ini membolehkan penggunaan kursus yang lebih baik bagi memenuhi keperluan kurikulum yang dikaitkan dengan SbD.
- f) Untuk melengkapkan modul yang menarik dan relevan kepada pelajar, kajian-kajian kes dan contoh-contoh telah dipilih. Melalui kajian-kajian kes dan contoh-contoh ini, pelajar dapat mengaitkan teori yang diajar pada permulaan modul dengan senario industri. Aktiviti-aktiviti ini membangkitkan kesedaran di kalangan pelajar tentang penerapan keselamatan dan kesihatan ke dalam reka bentuk; dan membantu pelajar meningkatkan pengetahuan tentang konsep keselamatan dan kesihatan untuk mencegah kecederaan dan menyelamatkan nyawa.
- g) SbD adalah tentang pengenalpastian bahaya dan cara menguruskannya melalui pendekatan penyelesaian masalah. Melalui kuliah dan sorotan kajian, pelajar mempelajari masalah

reka bentuk sedia ada dan penyelesaian SbD untuk bahaya pembinaan khusus. Melalui proses penyertaan pasukan reka bentuk, pelajar menjadi terlibat dalam proses inovasi dengan mengkonseptualisasikan dan membuat penyelesaian SbD mereka sendiri.

- h) SbD boleh diajar dalam beberapa peringkat pendidikan seperti vokasional, teknologi dan kejuruteraan. Modul dan model pendidikan yang lebih rumit digunakan dalam kursus lepasan ijazah untuk meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis dan mencabar pelajar bukan sahaja untuk mengenalpasti masalah, tetapi juga untuk mencadangkan penyelesaian yang memenuhi tanggungjawab undang-undang, etika dan fiskal syarikat.

### 6.3 Agenda penyelidikan mengenai SBD

Setiap institusi pendidikan tinggi akan menjalankan agenda penyelidikan yang baik untuk SbD bagi menyokong penggunaan SbD dalam industri pembinaan. Kerajaan harus memulakan dan menggalakkan penyelidikan dalam SbD di kalangan ahli akademik di universiti dan badan profesional yang mengawal aktiviti profesional seni bina dan kejuruteraan dalam pembinaan (Badan Profesional AEC). Perkara-perkara penyelidikan harus merangkumi:

- a) Perkembangan inovasi atau penambahbaikan baru pada alat semakan reka bentuk yang boleh digunakan dalam kajian reka bentuk konsep, kajian reka bentuk terperinci dan kajian pelan fasa pembinaan.
- b) Pembangunan metodologi penyelesaian masalah sistematik yang boleh digunakan sebagai panduan untuk memicu pemikiran reka bentuk untuk pengurangan risiko pada sumber (iaitu pengenalpastian bahaya, penaksiran risiko dan kawalan risiko).
- c) Pembangunan alat analisis risiko SbD dan aplikasi berdasarkan internet benda (*internet of thing – IOT*) untuk meningkatkan

- penerimaan *duty holder*, meningkatkan produktiviti dan perancangan projek pembinaan yang lebih baik.
- d) Menggalakkan pembelajaran dari kemalangan dan sistem maklum balas pengalaman untuk mengelakkan kemalangan yang sama berlaku di tapak pembinaan. Pembangunan pangkalan data kegagalan pembinaan negara adalah diperlukan, supaya pereka boleh menggunakan sebagai pengajaran dan mereka bentuk tanpa bahaya seawal mungkin.

Peningkatan penyelidikan boleh didorong oleh anugerah geran yang berimpak tinggi daripada kerajaan untuk bidang penyelidikan yang akan menggalakkan daya saing universiti dan badan profesional AEC untuk merebut peluang-peluang untuk meningkatkan SbD melalui kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan.

#### **6.4 Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman**

Bagi memastikan OSHCIM 2017 dapat dilaksanakan dengan betul dan pelajar mendapat kesedaran dan menerapkan pencegahan melalui reka bentuk, pensyarah harus mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang diperlukan untuk menyampaikan konsep SbD dengan betul. Setiap institusi pendidikan mestilah memastikan bahawa pelajar mereka telah memperoleh, atau sedang dalam proses mendapatkan, kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang diperlukan untuk menjalankan tugas atau pekerjaan di masa yang akan datang. Untuk mendapatkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan, latihan yang sesuai perlu disediakan oleh institusi pendidikan.

Bagi mengekalkan inisiatif SbD di institusi pendidikan tinggi, jawatankuasa penggerak mesti dibentuk yang terdiri daripada universiti/fakulti daripada semua bidang. Jawatankuasa ini adalah untuk menyediakan pengalaman pendidikan yang meningkatkan pengetahuan, kebolehan dan kualiti pelajar untuk membolehkan mereka mengenal pasti keperluan dan membina

penyelesaian relevan secara ekonomi, sosial dan budaya yang berkesan. Setiap wakil jawatankuasa keselamatan berhak mendapatkan latihan percuma daripada institusi pendidikan, membantu mereka menjalankan peranan mereka dan memastikan mereka sentiasa mengemas kini pengetahuan tentang perkembangan kesihatan dan keselamatan.

Universiti dan penyelaras program harus menyediakan maklumat terkini mengenai SbD kepada para pelajar supaya pelajar dapat menghargai SbD lebih awal dan mempunyai moral mengenai isu-isu tersebut. Setiap institusi pendidikan hendaklah menjalankan latihan induksi khusus untuk memaklumkan pensyarah dan pelajar tentang risiko tertentu yang berkaitan dengan tapak pembinaan dan aturan yang telah dibuat untuk menghapuskan dan mengawal risiko-risiko ini. Jumlah butiran yang diberikan dalam induksi akan dikaitkan dengan jenis risiko yang terlibat.

Induksi itu harus menerangkan dengan jelas mengenai:

- a) komitmen pengurusan SbD
- b) pendekatan konsep SbD
- c) peraturan dan tanggungjawab
- d) menyediakan aturan keselamatan dan kesihatan yang jelas untuk mengawal bahaya pembinaan
- e) butiran rancangan pelajaran
- f) peraturan tapak yang mesti anda patuhi, termasuk prosedur pengemasan, keselamatan dan kecemasan
- g) bagaimana cara melaporkan apa-apa yang mungkin menjadi bahaya kepada anda atau orang lain
- h) sebarang latihan yang dirancang (seperti taklimat keselamatan atau *toolbox talk*)
- i) mengenal pasti bahaya
- j) membincangkan bagaimana bahaya boleh dihapuskan atau sekurang-kurangnya dikawal

- k) membincangkan bagaimana kerja mereka (waktu kerja masa depan) akan memberi kesan kepada orang lain
- l) membincangkan bagaimana kerja orang lain mungkin memberi kesan kepada pelajar kemudian (pada waktu kerja masa depan)
- m) bermula awal
- n) proses penilaian keselamatan untuk menilai keselamatan reka bentuk
- o) kerjasama dan penyelarasaran
- p) berkongsi pengalaman dan maklum balas daripada laporan sebelum ini untuk mengelakkan masalah di masa depan

## **7.0 PANDUAN INDUSTRI UNTUK PEKERJA PEMBINAAN**

Majikan perlu menjelaskan bagaimana keselamatan dan kesihatan akan diuruskan di tapak dan mengambil kira luahan dan maklum balas pekerja.

### **7.1 Berunding dan melibatkan pekerja dengan kesihatan dan keselamatan di tapak pembinaan**

Perundingan dan penglibatan adalah lebih daripada pemberian maklumat. Ia adalah mengenai majikan yang mendengar dan mengambil kira apa yang dikatakan pekerja sebelum keputusan yang memberi kesan kepada keselamatan dan kesihatan mereka dibuat. Terdapat pelbagai cara untuk melibatkan tenaga kerja. Penglibatan mestilah dua hala iaitu atas-bawah dan bawah-atas.

Majikan harus berunding dan terlibat dengan semua pekerja mengenai hal-hal kesihatan dan keselamatan, sama ada melalui wakil keselamatan mereka atau secara langsung dengan pekerja jika tiada wakil keselamatan. Berikut adalah beberapa cara majikan boleh berunding dan terlibat dengan pekerja secara formal dan tidak formal:

- a) Bercakap kepada dan mendengar daripada wakil jawatankuasa keselamatan atau wakil lain yang dilantik.
- b) Menubuhkan jawatankuasa keselamatan atau forum bagi pekerja untuk dihadiri.
- c) Melakukan mesyuarat semakan secara berkala untuk berunding dengan pekerja dan mendapatkan maklum balas mengenai isu kesihatan dan keselamatan.
- d) Menggunakan induksi, taklimat harian dan mesyuarat seluruh tapak pembinaan untuk menjelaskan apa yang sedang berlaku dan untuk mendengar dan bertindak atas komen para pekerja.
- e) Menggunakan taklimat keselamatan (*toolbox talk*) untuk memberi

- tumpuan kepada isu kesihatan dan keselamatan tertentu. Pengurus berjalan secara tidak rasmi di tapak pembinaan dan bercakap dengan pekerja secara langsung.
- f) Menyediakan sistem di tapak pembinaan yang membolehkan pekerja melaporkan masalah atau mencadangkan cara kerja yang lebih selamat.

## **7.2 Wakil kesihatan dan keselamatan pekerja**

Jawatankuasa keselamatan yang diiktiraf oleh undang-undang adalah perlu dalam mempromosikan OSHCIM, memberikan maklum balas dan membincangkan OSHCIM bersama. Mereka dipilih oleh tenaga kerja di tapak di bawah Peraturan Keselamatan dan Kesihsatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihsatan) 1996.

Berdasarkan Peraturan ini, majikan akan melantik jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dan mereka harus memupuk budaya yang menggalakkan penglibatan pekerja dalam menguruskan bahaya pembinaan di tapak. Di samping itu, idea-idea tentang bekerja lebih selamat boleh dibincangkan dan dipersetujui secara bersama supaya ianya dapat diamalkan di tapak untuk memberi manfaat kepada semua orang. Semua orang di tapak perlu dilayan secara adil dan sama. Tiada siapa yang harus merasa terancam atau kurang bernasib baik kerana menimbulkan isu kesihatan dan keselamatan.

## **7.3 Latihan untuk wakil kesihatan dan keselamatan**

Setiap ahli jawatankuasa keselamatan berhak mendapatkan latihan percuma untuk membantu mereka menjalankan peranan mereka dan memastikan mereka sentiasa dikemas kini dengan perkembangan keselamatan dan kesihatan. Latihan ini membolehkan wakil ini menguruskan isu keselamatan dan kesihatan pekerja.

## **7.4 Apakah maklumat yang harus diberikan dan diterima pekerja?**

Majikan dan kontraktor utama perlu menyediakan pekerja dengan maklumat

yang diperlukan untuk melakukan kerja dengan selamat dan tanpa risiko keselamatannya atau kesihatannya. Pekerja mesti mempunyai induksi khusus tapak untuk memaklumkan kepadanya tentang risiko tertentu yang berkaitan dengan tapak dan aturan yang telah dibuat untuk mengawal risiko-risiko ini. Induksi harus menerangkan dengan jelas tentang:

- a) komitmen pengurusan kepada keselamatan dan kesihatan.
- b) butiran projek.
- c) nama orang yang menguruskan prosedur keselamatan dan kesihatan di tapak, dan bagaimana untuk menghubungi mereka.
- d) nama wakil jawatankuasa keselamatan, dan bagaimana untuk menghubungi mereka.
- e) aturan untuk perundingan dan melibatkan pekerja dalam keselamatan dan kesihatan.
- f) risiko keselamatan dan kesihatan khusus tapak, termasuk kesan kepada orang lain yang bekerja berdekatan.
- g) aturan untuk peralatan perlindungan, termasuk apa yang diperlukan, di mana untuk mendapatkannya dan cara menggunakananya.
- h) aturan pertolongan cemas dan lokasi kemudahan tandas, mencuci dan kantin.
- i) peraturan tapak yang mesti anda ikuti, termasuk prosedur pengemasan, keselamatan dan kecemasan.
- j) bagaimana cara melaporkan apa-apa yang mungkin menjadi bahaya kepada anda atau orang lain.
- k) apa-apa latihan yang dirancang (iaitu taklimat keselamatan atau *toolbox talk*).
- l) tanggungjawab pekerja individu untuk keselamatan dan kesihatan.

## **7.5 Melaporkan kejadian dan kemalangan yang hamper berlaku**

Pekerja perlu tahu cara untuk melaporkan insiden, kecederaan dan kemalangan yang hampir berlaku, dan kepada siapa yang insiden itu perlu dilapor. Terdapat juga keperluan undang-undang bagi majikan anda untuk melaporkan insiden tertentu yang dinyatakan kepada DOSH Malaysia.

Kontraktor utama dan pengurus tapak pembinaan harus mengetahui di mana dan bagaimana insiden, kecederaan dan kemalangan yang hampir berlaku supaya mereka dapat mengutamakan apa yang perlu dilakukan untuk mengelakkan sebarang kejadian sama berulang, dan tetap memaklumkan dan melibatkan pekerja dalam sebarang tindakan yang akan diambil.

Jika risiko dan bahaya kesihatan dan keselamatan tidak dikawal secukupnya, pengurus tapak mesti mengambil tindakan sewajarnya. Ini amat penting bagi kemalangan yang hampir berlaku, kerana dengan bekerja bersama mungkin dapat menyelesaikan masalah sebelum kejadian yang lebih serius berlaku.

Sekiranya terdapat bahaya yang serius atau yang sedang berlaku di tapak pembinaan pekerja, pekerja harus menghentikan kerja dan segera pergi ke tempat yang selamat. Pekerja juga harus memberi amaran kepada penyelia dan rakan sekerja mereka tentang bahaya itu. Kontraktor perlu memastikan bahawa pekerja sedar tentang ini dan mereka tahu apa prosedur untuk menangani keadaan berbahaya.

## **7.6 Pekerja Asing**

Kontraktor perlu menggunakan cara lain untuk memberitahu pekerja asing mengenai keselamatan dan kesihatan, seperti menterjemahkan peraturan tapak pembinaan, menggunakan jurubahasa untuk induksi dan taklimat tugas dan menggantikan notis bertulis dengan simbol atau gambarajah yang jelas.

## **7.7 Kerjasama dan Penglibatan**

Kontraktor utama perlu meletakkan langkah-langkah yang akan membolehkan kerjasama dan penyelarasan yang berkesan antara mereka dan semua kontraktor dan pekerja di tapak. Kontraktor utama bertanggungjawab untuk menyelaraskan penglibatan pekerja dan butirannya boleh direkodkan dalam pelan fasa pembinaan. Aturan dalam pelan fasa pembinaan mesti dikemas kini apabila keadaan di tapak berubah dan mesti meliputi semua pekerja, bahkan mereka yang hanya berada di tapak pembinaan untuk masa yang singkat.

Kerjasama dengan pekerja membantu kontraktor mengurus keselamatan dan kesihatan secara praktikal dengan membantu menilai risiko tempat kerja, memastikan kawalan keselamatan dan kesihatan adalah praktikal, dan meningkatkan tahap komitmen semua orang untuk bekerja dengan cara yang sihat dan selamat.

Perundingan bukan sahaja melibatkan kontraktor yang memberi maklumat kepada pekerja, tetapi juga mendengari mereka dan mengambil kira pandangan, kemahiran dan keupayaan mereka yang lain sebelum membuat keputusan kesihatan dan keselamatan. Isu-isu yang perlu dirunding dengan pekerja adalah risiko yang timbul daripada kerjanya, cadangan untuk mengurus dan/atau mengawal risiko-risiko ini dan cara terbaik untuk menyediakan maklumat dan latihan.

Pekerja dan wakil keselamatannya sepatutnya dapat menyumbang kepada bahagian-bahagian pelan yang akan memberi kesan kepadanya, seperti mana-mana pernyataan kaedah keselamatan dan kesihatan atau dokumen yang serupa, terutamanya kerana dia mungkin dapat berkongsi pengetahuannya, seperti kepakaran amalan, kemahiran atau pengalaman kerja.

## **7.8 Majikan atau Kontraktor Utama**

Kontraktor utama harus:

- i. menetapkan standard keselamatan dan kesihatan yang jelas, dan memastikan bahawa masa dan usaha yang cukup dilaburkan untuk membuatnya berlaku
- ii. memastikan pekerja terlibat dan dirunding mengenai hal-hal keselamatan dan kesihatan tapak yang boleh menjelaskan mereka
- iii. memastikan semua orang di tapak - kontraktor dan pekerja - bekerjasama dengan berkesan dalam semua hal perkara keselamatan dan kesihatan

## **7.9 Kemahiran, Pengetahuan, Latihan dan Pengalaman**

Untuk bekerja dengan selamat, semua orang yang bekerja di tapak perlu kompeten atau diawasi dengan teliti oleh penyelia masing-masing. Sesiapa yang bertanggungjawab dalam menggunakan orang untuk bekerja di tapak pembinaan mesti memastikan bahawa mereka telah memperoleh, atau sedang dalam proses memperoleh, kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang perlu untuk menjalankan kerja atau tugas. Untuk mendapatkan kemahiran dan pengetahuan yang perlu, latihan yang sesuai perlu disediakan oleh majikan.

Kompetensi adalah lebih daripada sekadar latihan atau kelayakan. Ia adalah tentang mengetahui bagaimana untuk melakukan kerja dengan selamat - mempunyai kemahiran, pengetahuan, latihan, pengalaman dan sikap yang tepat untuk memastikan pekerja tidak akan dibahayakan, dan tiada kemudaratan kepada orang lain, disebabkan kerjanya. Seorang pekerja tahu apa yang dia boleh dan tidak boleh melakukan dengan selamat, dan dia tahu jika, bila dan bagaimana untuk mendapatkan bantuan yang dia perlukan, dan begitu juga dengan penyelia dan majikannya.

Yang paling penting ialah mengetahui bagaimana kerja seorang pekerja mempengaruhi orang lain di tapak - sama ada kerja yang dilakukannya akan mewujudkan bahaya semasa dia bekerja atau selepas dia bekerja dan memastikan dia memaklumkan kepada orang yang tepat di tapak tentang bahaya itu. Pelatih, pekerja yang muda dan pekerja yang baru di tapak pembinaan sering berisiko tinggi kerana kekurangan pengalaman mereka. Itu tidak bermakna bahawa mereka tidak boleh bekerja di tapak pembinaan tetapi ia bermaksud mereka mungkin perlu diselia dengan lebih teliti sehingga mereka dapat bekerja dengan selamat.

### **7.10 Amalan terbaik pembinaan yang disarankan**

Bahagian ini mengenal pasti amalan industri yang kukuh. Contoh-contoh menggambarkan bagaimana penglibatan dan perundingan dengan pekerja dapat membuat tapak pembinaan lebih selamat dan lebih sihat, sehingga semua orang dapat kembali kepada keluarga mereka setiap hari.

- a) Terdapat komitmen yang jelas terhadap keselamatan dan kesihatan

Terdapat komitmen yang kuat untuk pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik di tapak yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan dan pekerja yang bekerjasama dalam hal-hal keselamatan dan kesihatan. Semua orang proaktif dalam meningkatkan standard keselamatan dan kesihatan.

- b) Pekerja terlibat dalam keputusan keselamatan dan kesihatan

Selain daripada terlibat dalam membuat keputusan untuk keselamatan dan kesihatan dengan pengurus, pekerja juga bertanggungjawab membuat beberapa keputusan kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dengan tugas yang mereka lakukan. Pekerja diberikan latihan dan sokongan yang sesuai untuk membolehkan mereka mengambil bahagian.

c) Keselamatan dan kesihatan dianggap sebagai keutamaan

Semua orang tahu bahawa keselamatan dan kesihatan adalah keutamaan. Ia bukan semata-mata untuk menyiapkan pekerjaan secepat mungkin. Semua pekerja menerima latihan yang sesuai untuk peranan mereka. Pekerja boleh menghentikan kerja dalam situasi yang mereka anggap sebagai tidak selamat.

d) Semua orang menyumbang kepada keselamatan dan kesihatan

Semua orang tahu apa yang harus dilakukan untuk memastikan keperluan keselamatan dan kesihatan dipatuhi. Ia melibatkan setiap orang untuk melakukan setiap usaha untuk mencegah kemalangan, insiden dan masalah kesihatan. Budaya itu bermakna semua orang mampu mencabar amalan untuk memperbaiki standard keselamatan dan kesihatan.

e) Keselamatan dan kesihatan diukur

Insiden, kemalangan yang hampir berlaku dan masalah kesihatan dilaporkan dan direkodkan. Pengurus tapak berkongsi maklumat dengan pekerja untuk memeriksa keberkesaan langkah-langkah yang telah diambil, mengenal pasti masalah dan berusaha untuk membetulkannya.

f) Kedua-dua risiko keselamatan dan kesihatan telah diuruskan

Risiko kesihatan diuruskan dengan cara yang sama seperti risiko keselamatan, dengan menaksir bahaya dan meletakkan kawalan yang diperlukan di tempatnya. Proses kerja yang mendedahkan pekerja kepada bahaya kesihatan, seperti asbestos, habuk dan pengeluaran diesel, adalah dielakkan.

Semua pekerja dirunding mengenai bahaya kesihatan, termasuk mereka yang bekerja untuk subkontraktor. Isu

kesihatan tapak yang menjelaskan pekerja mesti diuruskan dan bukan hanya dipantau.

g) Semua orang belajar daripada pengalaman

Ini melibatkan bukan hanya dengan melatih pekerja tetapi pembelajaran, dan berkomunikasi mengenai pengajaran, dari sebarang insiden, dan pembelajaran daripada organisasi dan industri lain.

## LAMPIRAN 1. PERTIMBANGAN KAJIAN REKA BENTUK

### LAMPIRAN 1A. DRRULE-1 KAJIAN REKA BENTUK KONSEP

PERTIMBANGAN		HASIL YANG DIJANGKA	CATATAN
1	<b>Geoteknikal</b>	a. Kestabilan tanah, iaitu, tertakluk kepada gelinciran tanah	
		b. Berhampiran dengan jasad air	
		c. Kehadiran muka air tanah	
		d. Cerun tapak yang dicadangkan	
		e. Klasifikasi/keadaan tanah, contohnya, sangat reaktif	
		f. Mudah dilanda banjir	
		g. Kambus tanah (Tapak pelupusan sisa)	
		h. Terdedah kepada kegiatan seismik	
2	<b>Infrastruktur sedia ada</b>	a. Perkhidmatan overhed	
		b. Perkhidmatan/utiliti bawah tanah	
		c. Talian komunikasi bawah tanah	
		d. Sebarang infrastruktur/ aset sedia ada di tapak, contohnya bangunan, tangki bawah tanah	
		e. Akses/sambungan kepada perkhidmatan/utiliti	
		f. Perobohan diperlukan	

3	<b>Pengurusan Trafik</b>	a.	Sekatan akses	
		b.	Gangguan pada laluan trafik/ pejalan kaki	
		c.	Keperluan pencahayaan tambahan	
